

WANITA berasal dari Kuala Terengganu ini percaya seorang pemimpin itu perlu mampu mengimbangi ketegasan dan sikap membimbing.
— MUHAMAD IQBAL ROSLI



Memori tangisan Covid-19, patriotik dalam budaya kerja



Rencana Utama

Oleh
FARID AHMAD TARMIJ

SELAIN itu, dia juga terlibat dalam penganalisaan kos, produktiviti dan harga untuk Columbia Asia Group.

Malah, di bawah pengurusan Engku Marina, Columbia Asia Cheras juga telah membina bangunan baharu bagi membolehkan 100 lagi katil ditambah untuk pesakit menjelang akhir tahun ini.

Menguruskan sebuah hospital bukan sekadar memastikan operasi harian berjalan lancar.

Ia menuntut disiplin yang tinggi, keupayaan membuat keputusan pantas, serta seni kepimpinan yang mampu mengimbangi ketegasan dengan sikap membimbing.

Itulah pendekatan yang diamalkan oleh Engku Marina dalam memimpin.

Menurutnya, menjadi pemimpin bukan

sekadar soal mengawal atau memberi arahan, tetapi bagaimana memastikan pasukan bawahan turut mampu berkembang menjadi pemimpin suatu hari nanti.

"Namun begitu, kita juga perlu menjadikan ketegasan sebagai sesuatu yang penting dalam memimpin.

"Ketegasan tidak bermaksud keras, sebaliknya ia satu sikap yang mampu membina budaya kerja berprestasi tinggi," ujarnya.

Selain disiplin dan ketegasan, dia percaya integriti adalah nilai teras dalam dunia penjagaan kesihatan.

Baginya apabila kita sudah diberi amanah, kita mesti lakukan yang terbaik.

Berkongsi cerita, sepanjang terlibat dalam bidang penjagaan kesihatan Engku Marina mengakui ia berhadapan dengan cabarannya yang tersendiri.

Jelasnya, pengalaman paling mencabar sepanjang kerjayanya adalah ketika pandemik Covid-19 melanda negara dan dunia.

Sebagai peneraju pengurusan, dia perlu menenangkan kakitangan barisan hadapan yang bekerja tanpa henti dan berhadapan risiko jangkitan.

"Tekanan ketika itu bukan sahaja pada pesakit, tetapi juga pada staf dan mereka keletihan, cemas dan ada yang hampir



ENGKU MARINA (kanan) mendekati para stafnya yang terdiri daripada pelbagai kaum ketika ditemui di Hospital Columbia Asia Cheras baharu ini.

Memori tangisan Covid-19, patriotik dalam budaya kerja

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 3



ENGKU MARINA turut gemar melancong bersama ahli keluarganya.

putus asa.

"Malah ada staf yang datang menangis kerana memikirkan ahli keluarga mereka yang dijangkiti dengan Covid-19 dan meminta untuk tidak bekerja dalam tempoh itu.

"Tanggungjawab saya pada ketika itu adalah untuk memberikan motivasi kerana mereka adalah barisan hadapan yang penting pada waktu itu bagi membantu pesakit-pesakit," jelasnya yang turut dijangkiti dengan Covid-19 pada ketika itu. Malah, hospital di bawah seliaannya pada masa itu turut bekerjasama rapat dengan kerajaan dalam menerima pesakit dan memastikan sistem kesihatan negara tidak lumpuh.

Pengalaman itu bukan sahaja menguji ketabahan, tetapi turut memperkukuh semangat kebersamaan antara sektor



ENGKU MARINA menunjukkan komitmen tinggi dalam sektor penjagaan kesihatan menerusi tanggungjawabnya mentadbir enam buah hospital Columbia Asia.



swasta dan awam.

Menyorot latar dirinya, tidak semua perjalanan kerjaya datang dengan perancangan awal yang jelas.

Begitu juga buat Engku Marina yang sebenarnya tidak pernah menanam cita-cita untuk membina kerjaya di dalam bidang penjagaan kesihatan.

Selepas tamat alam persekolahan, dia mendapat dua tawaran untuk melanjutkan pelajaran iaitu dalam bidang perubatan dan juga perakaunan.

Untuk bidang perubatan dia perlu melanjutkan pengajian di dalam negara, manakala bagi bidang perakaunan dia berpeluang untuk pergi ke luar negara.

"Pada ketika itu, impian saya adalah untuk melanjutkan pengajian di luar negara dan akhirnya saya memilih mengambil bidang perakaunan dan belajar di University of Humber di United Kingdom.

"Setelah tamat pengajian pada tahun 1994 saya membina kerjaya sebagai juruaudit, tetapi tidak lama kemudian saya sedar dunia kerja ini yang penuh dengan kertas, angka dan duduk lama di meja bukanlah sesuatu yang dekat dengan jiwa saya," jelasnya yang suka melancong ke luar negara bersama keluarganya.

Selangnya berubah apabila beliau berpeluang menyambung pengajian peringkat Diploma Lepas Ijazah dalam Perkhidmatan Kesihatan dan Pengurusan Hospital dari South Bank University di London.

Setelah itu, bermulalah perjalanan kerjayanya dalam bidang penjagaan kesihatan dan Engku Marina pernah bekerja dengan beberapa syarikat yang terlibat di dalam bidang tersebut sebelum menyertai Columbia Asia pada tahun 2013.

Dalam masa yang sama, dia turut memiliki Sarjana Pengurusan Perniagaan dari University of Southern Queensland, Australia.

Kini Engku Marina yang merupakan ibu kepada lima orang anak mempunyai tempoh masa tiga tahun untuk terus berkhidmat di dalam bidang penjagaan kesihatan sebelum mencapai usia persaraan.

"Bukan mudah untuk meninggalkan bidang yang telah saya ceburi ini.

"Saya jika tidak kerja, saya akan rasa 'mental', saya bukan seorang yang boleh duduk diam," katanya.

Namun begitu, selepas mencapai umur persaraan nanti, dia merancang untuk memberi lebih fokus kepada ibadah.

Malah, sejak 15 tahun lalu dia sendiri sudah menetapkan rutin menunaikan umrah setiap tahun, khususnya pada bulan Ramadan.

"Alhamdulillah, Allah bagi rezeki. Inilah rutin saya setiap tahun, saya menghabiskan masa 10 hingga 14 hari di bulan Ramadan untuk beribadah di Tanah Suci serta mengemas diri saya secara spiritual.

"Selepas itu barulah saya kembali dengan semangat baharu untuk memimpin organisasi," jelasnya.

Sementara itu, beberapa hari lagi Malaysia akan menyambut Hari Kebangsaan yang ke-68 dan bagi Engku Marina dia mempunyai makna kemerdekaan yang tersendiri dalam dirinya.

Baginya, kemerdekaan

bukan hanya bermaksud negara kita bebas daripada penjajahan.

"Ia juga memberi maksud bahawa Malaysia dapat memilih hala tuju, ekonomi, budaya dan pembangunan yang sendiri.

"Oleh itu, amat penting untuk kita semua rakyat Malaysia bersatu untuk menjaga perpaduan bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan negara," terangnya.

Dalam masa yang sama, sebagai seorang pemimpin dia menanam rasa patriotik terhadap negara dalam diri yang mendalam dan ia menjadi teras baginya untuk membuat keputusan.

Ini direalisasikan dengan menjadi rakan strategik kerajaan seperti menyokong inisiatif kerajaan dalam bahagian Hospital Services Outsource Program (HSOP) dengan memastikan syarikat mematuhi undang-undang, statutori dan lain-lain yang ditetapkan.

"Kami juga melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan membantu sekolah-sekolah menyediakan dan melengkapi bilik rawatan sakit, menyampaikan sumbangan baju raya kepada anak-anak yatim dan rumah orang-orang tua.

"Selain itu, kami juga mewujudkan budaya kerja yang inklusif iaitu membina persekitaran kerja yang menghormati perbagai kaum, agama dan membawa semangat kekeluargaan," ujarnya.

INFO

Engku Marina Engku Hatim

- Merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah bagi Columbia Asia Hospital
- Bertanggungjawab untuk mengurus enam hospital di bawah Columbia Asia Hospital merangkumi Columbia Asia Hospital Cheras, Columbia Asia Hospital Puchong, Columbia Asia Hospital Setapak, Columbia Asia Hospital Bukit Jalil, Columbia Asia Hospital Tebrau dan Columbia Asia Hospital Iskandar Puteri
- Hampir tiga dekad berkhidmat di dalam bidang penjagaan kesihatan





29 AUG, 2025

Memori tangisan Covid-19, patriotik dalam budaya kerja

Kosmo, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Oleh FARID AHMAD TARMIJ

S ELAINitu, dia juga terlibat dalam penganalisaan kos, produktiviti dan harga untuk Columbia Asia Group. Malah, di bawah pengurusan Engku Marina, Columbia Asia Cheras juga telah membina bangunan baharu bagi membolehkan 100 lagi katil ditambah untuk pesakit menjelang akhir tahun ini. Menguruskan sebuah hospital bukan sekadar memastikan operasi harian berjalan lancar. Ia menuntut disiplin yang tinggi, keupayaan membuat keputusan pantas, serta seni kepimpinan yang mampu mengimbangi ketegasan dengan sikap membimbing.